

Nama pemilik
No.XX, Jalan XXXXXXXX
Seksyen XX, 40000 Shah Alam,
Selangor D.E.

XX Januari 2020

Hjh. Rosezairani Marmuji
Pengarah Bangunan,
Jabatan Bangunan,
Majlis Bandaraya Shah Alam,
Tkt.8, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,
40706 Shah Alam, Selangor D.E.

Puan,

**PER: MEMOHON KEBENARAN UNTUK MEMBINA & MENGUBAHSUAI PAGAR BARU
DI RUMAH TERES 1 TINGKAT SEDIA ADA DI LOT NO.XX, JALAN XXXXXXXX,
SEKSYEN XX, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR D.E.**

Merujuk kepada perkara di atas, saya (NAMA PEMILIK) adalah pemilik rumah teres 1 tingkat seperti alamat yang tertera di atas.

2. Saya dengan ini ingin memohon kebenaran untuk merobohkan/membaiki pagar lama dan membina pagar yang baru. Tujuan permohonan ini adalah kerana ;

- a. Pagar yang asal dibuat dari dawai besi sudah terlalu lama & berkarat
- b. Pagar lama ini tidak mempunyai ciri keselamatan dan berlubang
- c. Saya akan membina pagar baru yang mempunyai peti surat & kebuk sampah yang baru dengan dinding batu bata & tiang pagar konkrit.

3. Untuk rujukan pihak Puan, bersama ini disertakan gambar rumah asal yang menunjukkan kedudukan pagar lama di bahagian depan, tepi & belakang.

Diharap pihak Puan akan mempertimbangkan permohonan ini dan memberi kebenaran bagi melakukan ubahsuai pagar tersebut dan saya bersedia untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh MBSA.

Kerjasama dari pihak Puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Nama pemilik
No. telefon;